ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"ORANG-orang yang melanggar perjanjian Allah selepas perjanjian itu diperteguhkan (diikrarkan) dan memutuskan apa yang diperintahkan oleh Allah supaya dihubungkan (silaturahim) dan mereka juga melakukan kerosakan di bumi, mereka itulah yang mendapat laknat dan bagi mereka seburuk-buruk tempat kediaman di akhirat (neraka)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah ar-Rad, ayat 25.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.10 | DUHA 6.34 | ZUHUR 12.08 | ASAR 3.29 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.16 | Daerah Belait ditambah 3 minit | Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 141 | 23 NOVEMBER 2022 / 1444 ربيع الأخير 28 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# UNISSA hadiri AUAP Ke-15 : Promosi budaya, kualiti, inovasi pendidikan

**DHAKA, BANGLADESH**, Selasa, 22 November. - Rombongan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menghadiri The 15th General Conference of Association of the Universities of Asia and the Pacific (AUAP), yang diadakan di Dhaka, Bangladesh dan dihoskan oleh Daffodil International University, Bangladesh (DIU).

Rombongan UNISSA, terdiri daripada Penolong Rektor (Penyelidikan, Antarabangsa & Perkhidmatan), Dr. Arman bin Haji Asmad; serta Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik, Dr. Muhamad Alif bin Haji Sismat.

Seramai 60 orang, delegasi daripada 32 buah institusi pengajian tinggi dari seluruh dunia menghadiri persidangan tersebut, yang diadakan selama tiga hari, bermula dari 14 hingga 16 November 2022 lalu.

Persidangan dengan tema, 'Synergy between Information Technology and Quality Education in the 4IR Era' tersebut membincangkan tiga topik utama, iaitu pembelajaran secara dalam talian dan pembelajaran teradun (*blended learning*) menggunakan teknologi terkini, elemen percubaan dan praktikal dalam sistem pendidikan serta pengajaran berasaskan projek.

Dr. Muhammad Alif juga menjadi sebagai salah seorang ahli panel dalam Leader's Panel, bertajuk 'Future of the University', yang membincangkan mengenai pengalaman serta cadangan untuk pembaikan dan kemajuan pengajian tinggi global.

Rombongan UNISSA menghadiri The 15th AUAP General Assembly Meeting; and 52nd AUAP Executive Board Meeting, yang diadakan pada 14 November 2022.

AUAP ditubuhkan pada tahun 1995 serta berperanan aktif sebagai platform bagi institusi pengajian tinggi di wilayah Asia dan Pasifik berinteraksi serta berkolaborasi, dalam mempromosi budaya, kualiti dan inovasi pendidikan.

UNISSA menjadi Ahli AUAP sejak 1 Julai 2016 dan sering menyertai aktiviti, yang dianjurkan oleh AUAP, seperti program kepimpinan pelajar serta pertandingan.




ROMBONGAN Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menghadiri The 15th General Conference of Association of the Universities of Asia and the Pacific (AUAP), yang diadakan di Dhaka, Bangladesh dan dihoskan oleh Daffodil International University, Bangladesh (DIU).